

70% vaksin, baru boleh PRN Sarawak

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL

athir.ismail@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak tidak boleh diadakan selagi kadar vaksinasi di negeri itu boleh mencapai tahap 70 peratus lebih-lebih lagi ketika kes harian Covid-19 sedang naik mendadak sejak lebih seminggu lalu.

Malah, sebelum pelaksanaan PRN diputuskan, kerajaan disaran menguatkuasakan sekatan pergerakan yang lebih ketat atau mungkin *total lockdown* bagi mencegah penularan pandemik lebih luas terutama menjelang sambutan Pesta Gawai oleh masyarakat Dayak pada Selasa hadapan.

Bagaimanapun, penganalisis politik, Prof. Dr. Jayum Jawan memaklumkan, pelaksanaan *total lockdown* bukanlah keputusan yang popular dan disukai ramai tetapi itu adalah langkah paling baik untuk mengurangkan peningkatan kes jangkitan harian Covid-19.

“Yang pertama, saya rasa kalau ada *total lockdown*, itu adalah sesuatu yang bagus untuk Sarawak dan rakyatnya kerana orang Dayak akan menyambut Pesta Gawai dalam beberapa hari.

“Sebab itu saya fikir kalau *total*



DR. JAYUM JAWAN

lockdown memang sukar dibuat dan tidak popular. Tetapi, saya rasa itulah sifat kepemimpinan iaitu mesti buat keputusan yang baik untuk semua tanpa mengira ia popular atau tidak.

Dalam keadaan ini, *total lockdown* adalah keputusan yang wajar untuk menjaga kebajikan rakyat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak akan terbubar secara automatik awal Jun ini dan pilihan raya di negeri Bumi Kenyalang itu perlu diadakan selawat-lewatnya pada bulan Ogos.

Bagaimanapun, Jayum menjelaskan *total lockdown* tidak semestinya berkesan seratus per-

tus dan jika kes harian Covid-19 masih tinggi, kerajaan boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk menangguhkan PRN.

Tambahnya, Seri Paduka boleh melantik kerajaan negeri sementara dengan kuasa penuh termasuk menentukan dasar dengan melibatkan pihak pembangkang sebagai semak danimbang bagi memastikan kebajikan rakyat dan pengurusan krisis diutamakan.

“Pengajaran dari PRN Sabah itu penting, kita tidak mahu perkara sama seperti pilihan raya di sana diadakan berulang di Sarawak ataupun di mana-mana di negara ini.

“Kemungkinan Seri Paduka boleh menitahkan *caretaker government* tadi mengambil kira juga kepentingan pelbagai masyarakat, mungkin pihak pembangkang pun turut diundang menyertai kerajaan sementara,” jelasnya.

Tambah beliau yang juga Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, PRN Sarawak dijangka tidak akan ditangguhkan terlalu lama dan boleh dilaksanakan sebaik sahaja peratusan vaksinasi rakyat di sana dicapai.